

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 33, TAHUN 1973¹

**CUTI TIDAK BEREKOD (UNRECORDED LEAVE)
BAGI MAKSUD PERAYAAN UGAMA, KEBUDAYAAN
DAN SOSIAL**

Mulai daripada 1hb Januari, 1974 kakitangan Kerajaan adalah layak memohon cuti tidak berekod yang tidak melebihi 5 hari dalam sesuatu tahun dan, tersyarat kepada kepentingan perkhidmatan, Ketua-ketua Jabatan bolehlah meluluskan cuti tidak berekod yang dipohonkan itu bagi menyambut perayaan-perayaan bercorak agama, adat atau kebudayaan dan juga untuk menyertai dalam keperluan atau kegiatan-kegiatan sosial pegawai-pegawai yang berkenaan. Cuti tidak berekod ini tidak boleh diambil lebih daripada sehari pada satu-satu perayaan atau kegiatan itu.

2. Hari-hari perayaan agama, adat atau kebudayaan dan kegiatan sosial yang dimaksudkan dalam Pekeliling ini adalah selain daripada hari-hari yang diistiharkan sebagai Hari Kelepasan Am. Sebagai panduan hari-hari itu adalah seperti dalam Jadual yang berkembar. Jadual ini mungkin tidak mengandungi semua hari perayaan itu dan Ketua-ketua Jabatan bolehlah menetapkan sendiri hari-hari yang dirayakan atau kegiatan-kegiatan sosial yang disertai oleh pegawai-pegawai itu.

3. Dengan pengeluaran Pekeliling ini maka Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 tahun 1958 adalah dibatalkan dan angka '4' dalam Perintah Am 39, Bab 'C' baru itu hendaklah diperbetulkan kepada angka '5'.

DATO' ABDULLAH BIN AYUB,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C., KUALA LUMPUR,
31hb Disember, 1973**

CATATAN:

¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/77 dan 4/77 mulai 31hb Mac, 1977.